

Hentikan perbuatan tiup perasaan anti Malaysia di Sabah - PM

UM 19 JAN 1990

KOTA KINABALU 18 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pihak-pihak tertentu di Sabah supaya menghentikan perbuatan mengipas perasaan anti Malaysia yang boleh menjejaskan ketenteraman negara.

Tanpa menyebut mereka yang berkenaan, Perdana Menteri berkata kegiatan ini dijalankan dengan tujuan merebut kuasa dan kekayaan untuk diri mereka sendiri.

"Lihat Sabah dulu dan seka-

Oleh
Rosli Ismail

rang. Mungkin ada yang lupa Sabah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia," tegasnya.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Parti USNO ke-22 di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu semua pihak tidak kira dari negeri mana mereka berasal sentiasa merasa bangga mereka adalah rakyat Malaysia dan sekaligus

mengikis sentimen kenegerian.

Perdana Menteri berkata perbuatan mengipas perasaan anti-Malaysia dan sentimen kenegerian boleh memecahbelahkan rakyat dan melemahkan negara.

Beliau yang kesal dengan dakwaan pihak-pihak tertentu menafikan sekerasnya kononnya kerajaan bersikap pilih kasih dalam menegakkan undang-undang negara dan perlu pula memastikan bahawa semua undang-undang berkenaan dipatuhi.

"Kita telah mengambil tindakan undang-undang terhadap orang-orang kerajaan sendiri. Ada pemimpin satu parti komponen Barisan Nasional yang diperjarakan selepas didapati bersalah."

"Malangnya, ada pihak yang disiasat mendakwa kerajaan mengambil tindakan itu kerana kepentingan dan motif politik."

"Ada orang yang sekarang sangat kaya, pada hal dulunya tidak. Mereka yang kaya tentulah perlu membayar cukai. Jika mereka enggan bayar, siasatan akan dijalankan untuk memastikan dari mana kekayaan itu didapati," tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan lagi bahawa setiap jenayah akan disiasat dan tinda-

LIHAT MUKA 2

Henti perbuatan anti Malaysia di Sabah — PM

kan diambil tanpa mengira sama ada dilakukan di Sabah ataupun di Semenanjung.

Katanya, integrasi nasional yang utuh akan wujud di Malaysia sekiranya rakyat sesebuah negeri dapat menerima rakyat dari negeri lain tanpa merasa mereka orang asing.

"Kalau hendak capai pertemuan antara rakyat negeri-negeri misalnya seorang pegawai dari negeri lain harus 'diterima' bila bertugas negeri lain.

"Orang dari Sabah boleh bekerja di Kedah, di Perak dan negeri-negeri lain begitu juga orang Sarawak boleh berkhidmat di Sabah," katanya.

Beliau berkata semua pihak harus sedar bahawa tanpa perpaduan dan kekuatan integrasi nasional negara akan menjadi lemah dan tidak boleh bertahan terhadap sebarang ancaman musuh.

Sambil merujuk kepada perjanjian dengan Parti Komunis Malaysia di Haadyai baru-baru ini beliau berkata dengan kekuatan perpaduan rakyat yang ada pihak komunis telah terpaksa meletakkan perjuangan bersenjata mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengajak rakyat Sabah dan negeri-negeri lain supaya merenung semula nasib mereka yang baik dan dapat hidup

sempurna dibawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional.

Beliau juga memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan sentiasa bersikap adil dan saksama dalam layanannya kepada negeri - negeri.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri berkata beliau merasa bangga dengan sikap Parti USNO yang kuat berpegang kepada konsep Barisan Nasional dan sistem demokrasi yang diamalkannya.

Ini, katanya, jelas kerana parti itu tidak menerima ahli dari satu kaum dan agama sahaja sebaliknya membukanya kepada semua.

Sementara itu Presiden USNO, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun yang berucap di perhimpunan yang sama berkata, isu-isu yang bertentangan dengan integrasi nasional seperti 'Sabah untuk rakyat Sabah', tuntutan supaya dikembalikan Labuan dan penempatan pegawai-pegawai dari Semenanjung, tidak perlu dilautkan - laungkan dan dipaparkan di akhbar - akhbar.

Presiden USNO itu menegaskan, permainan politik seperti itu hendaklah dihentikan kerana ia tidak mendatangkan faedah atau kebaikan kepada negara.